



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 22 Mac 2023 (Rabu) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Anwar, 2 Menteri Buat Kunjung Hormat Presiden Singapura</p> <p>http://origin.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1080195/anwar-2-menteri-buat-kunjung-hormat-presiden-singapura</p> <p>https://www.theedgemarkets.com/node/660158</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2023/03/891474/anwar-pays-courtesy-call-singapore-president?utm_source=nst&utm_medium=mostpoplatest</p> <p>https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2175188</p>	<p>Berita Harian</p> <p>The Edge Markets</p> <p>NST</p> <p>Bernamea</p>	Neutral

	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/250832/berita/nasional/anwar-adakan-kunjungan-hormat-ke-atas-presiden-singapura</p> <p>https://www.thesundaily.my/home/pm-pays-courtesy-call-on-singapore-president-BB10778786</p> <p>https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/434142</p> <p>https://utusanv.com/2023/03/21/pm-adakan-kunjungan-hormat-ke-atas-presiden-singapura/</p> <p>https://newswav.com/article/anwar-pays-courtesy-call-on-singapore-president-A2303_rAo4pr</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>The Sun Daily</p> <p>The Malaysian Insight</p> <p>Utusan TV</p> <p>Newswav</p>	
2	<p>140,447 Warga Emas Terima BWE</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/948121/140447-warga-emas-terima-bwe</p> <p>https://tvstv.my/2023/03/21/parlimen-lebih-140-ribu-warga-emas-di-malaysia-terima-manfaat-skim-bwe/</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/21/dewan-rakyat-140447-penerima-bantuan-warga-emas/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/59840-140-447-terima-bantuan-warga-emas</p>	<p>Harian Metro</p> <p>TVSTV</p> <p>Kosmo</p> <p>Berita RTM</p>	Neutral
3	<p>Pengemis 'Buta' Bertongkat Larikan Diri Diekori JKM</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/250837/berita/s/semasa/pengemis-buta-bertongkat-larikan-diri-diekori-jkm</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/03/22/pengemis-buta-bertempiaran-lari-lihat-penguat-kuasa-jkm/</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/21/operasi-menyelamat-pengemis-di-bandaraya-kuala-lumpur/</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
4	<p>Senator: Macam 'Tak Percaya' Tengok Angka 70,000 Penagih Dadah OKU</p>		Neutral

	https://www.malaysiakini.com/news/659523	Malaysia Kini	
5	<p>11 Mei Keputusan Permohonan Ibu Tunggal Batal Tukar Agama 3 Anak</p> <p>https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/434130</p> <p>https://www.getaran.my/artikel/semasa/43117/11-mei-keputusan-permohonan-ibu-tunggal-batal-penukaran-agama-3-anaknya</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/keputusan-cabar-pengislaman-unilateral-anak-11-mei-2/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/11-mei-keputusan-permohonan-ibu-tunggal-batal-penukaran-agama-tiga-anak-411887</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/03/1080154/pengislaman-3-anak-tak-langgar-undang-undang-haniff-khatri?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/659444</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/21/mahkamah-tinggi-tetapkan-keputusan-cabar-kesahihan-penukaran-agama-11-mei-ini/</p> <p>https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/21/enakmen-perlis-benar-tukar-agama-sebelah-pihak-berperlembagaan-mahkamah-diberitahu/</p>	<p>The Malaysia Insight</p> <p>Getaran</p> <p>Utusan</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>FMT</p>	Neutral
6	<p>Bomba Selamatkan Kanak-Kanak Dua Tahun Terperangkap Dalam Kereta Di Sandakan</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/03/21/bomba-selamatkan-kanak-kanak-dua-tahun-terperangkap-dalam-kereta-di-sandakan/</p>	Warta Oriental	Neutral
7	<p>Wanita Terperangkap, Rumah Dihempap Pokok Tumbang</p>		Neutral

	https://www.sinarharian.com.my/article/250814/edisi/selangor-kl/wanita-terperangkap-rumah-dihempap-pokok-tumbang	Sinar Harian	
8	<p>Wanita China Diselamatkan Dari Terjatuh</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/21/wanita-china-diselamatkan-dari-terjatuh/</p>	Malaysia Gazette	Neutral
9	<p>Lelaki Pukul Warga Emas Selepas Kemalangan Ditahan</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-pukul-warga-emas-selepas-kemalangan-ditahan-411751</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/03/1079803/pemandu-warga-emas-ditumbuk-disepak-dan-rambut-ditarik</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/659426</p> <p>https://mykmu.net/2023/03/21/pemandu-warga-emas-ditumbuk-disepak-dan-rambut-ditarik/</p> <p>https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2174900</p> <p>https://wartarakyat.com.my/index.php/2023/03/21/lelaki-tumbuk-sepak-doktor-warga-emas-ditahan/</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=QlvSnCMf3yU</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/03/21/pemandu-mercedes-pukul-doktor-diberkas/</p>	<p>Astro Awani</p> <p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Mykmu</p> <p>Bernamea</p> <p>Warta Rakyat</p> <p>Bernamea TV</p> <p>Malaysia Gazette</p>	Neutral
10	<p>Suami Isteri Dituduh Perdagangan Anak OKU Untuk Eksploitasi Seks</p> <p>https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/03/1079886/suami-isteri-didakwa-perdagang-anak-oku-untuk-eksploitasi-seks</p> <p>https://www.hmetro.com.my/utama/2023/03/948100/suami-isteri-dituduh-jual-anak-oku-untuk-eksploitasi-seks-metroty</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral

	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/suami-isteri-didakwa-perdagang-anak-oku-untuk-eksploitasi-seks-FB10776737 https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2175089 https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/ibu-kandung-bapa-tiri-tidak-mengaku-eksploitasi-seks-anak-oku/ https://www.youtube.com/watch?v=nY-4Nf8RIIY https://www.buletintv3.my/mahkamah/ibu-kandung-dan-bapa-tiri-didakwa-perdagang-anak-perempuan-oku-untuk-tujuan-seks/	<p>The Sun Daily</p> <p>Bernama</p> <p>Utusan</p> <p>Bernama official</p> <p>Buletin TV3</p>	
11	<p>OKU Dipenjara 30 Hari Denda RM24,000 Tipu</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/250739/berita/s-emas/oku-dipenjara-30-hari-denda-rm24000-tipu-permohonan-epc</p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral

ANWAR, 2 MENTERI BUAT KUNJUNG HORMAT PRESIDEN SINGAPURA

<http://origin.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1080195/anwar-2-menteri-buat-kunjung-hormat-presiden-singapura>

Sumber : Berita Harian



KUALA LUMPUR: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengadakan kunjungan hormat ke atas Presiden Singapura Halimah Yacob yang sedang dalam rangka lawatan negara ke Malaysia.

Menerusi catatan di laman Facebooknya, Anwar berkata kunjungan hormat yang dilakukan di sebuah hotel di ibu negara itu turut dihadiri Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir serta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.



kunjungan hormat itu turut dihadiri Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir serta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri. - Foto FB Perdana Menteri berkata dalam pertemuan itu, mereka saling bertukar pandangan berhubung isu yang mempunyai kepentingan bersama kedua-dua negara.

"Ini merupakan pertemuan kedua saya bersama Presiden Republik Singapura selepas lawatan rasmi saya ke republik tersebut pada 30 Januari 2023 yang lalu," katanya yang turut memuat naik beberapa keping gambar kunjungan itu.

Halimah berada di sini sehingga esok untuk lawatan negara ke Malaysia.

Ia merupakan lawatan negara pertama Presiden Republik Singapura ke Malaysia sejak 2013. –
BERNAMA

140,447 WARGA EMAS TERIMA BWE

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/948121/140447-warga-emas-terima-bwe>

Sumber : Harian Metro



Kuala Lumpur: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memaklumkan penerima Bantuan Warga Emas (BWE) di seluruh negara berjumlah 140,447 orang dengan peruntukan RM831.4 juta.

Timbalan Menterinya, Aiman Athirah Sabu berkata, jumlah itu berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga Disember 2022.

Katanya, bagi penerima Bantuan Penjagaan Orang Kurang Upaya (OKU) Terlantar atau Pesakit Kronik Terlantar (BPT) adalah seramai 26,904 penerima.

"Jumlah peruntukan disalurkan adalah RM160.2 juta," katanya di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan Muhammad Ismi Mat Taib (PN-Parit) sama ada kementerian mengusahakan elaun penjagaan warga emas bagi penjaga dan ahli keluarga seperti dinyatakan di dalam manifesto Pakatan Harapan (PH) sebelum ini.

Aiman Athirah berkata, BWE boleh dipertimbangkan kepada warga emas yang hidup bersendirian dan tidak mempunyai pendapatan.

"Bantuan ini juga boleh dipertimbangkan kepada warga emas yang mempunyai anak tetapi berpendapatan rendah dan tidak mampu untuk menyumbang kepada ibu dan bapa sekiranya menepati syarat dan kriteria yang telah ditetapkan," katanya.

Bagi warga emas yang terlantar atau menghidap penyakit kronik katanya, BPT boleh dipertimbangkan kepada penjaga warga emas mengikut beberapa syarat.

"Pertama, warganegara dan bermastautin di Malaysia.

"Kedua, pemohon adalah penjaga sepenuh masa, memberikan penjagaan rapi kepada OKU terlantar atau pesakit terlantar, pesakit kronik yang memerlukan pengawasan dan penjagaan.

"Ketiga, pendapatan bulanan isi rumah tidak melebihi RM3,000," katanya.

PENGEMIS 'BUTA' BERTONGKAT LARIKAN DIRI DIEKORI JKM

<https://www.sinarharian.com.my/article/250837/berita/semasa/pengemis-buta-bertongkat-larikan-diri-diekori-jkm>

Sumber : Sinar Harian



KUALA LUMPUR - Seorang pengemis warga asing bertongkat melarikan diri ketika menyedari kehadiran pihak berkuasa dalam Operasi Membanteras Pengemisan di sekitar ibu kota pada Selasa.

Pengemis lelaki berumur lingkungan 50-an itu pada mulanya dilihat mempunyai masalah penglihatan merayau-rayau di sekitar kawasan Masjid India.

Kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang melihat pengemis tersebut dalam keadaan mencurigakan kemudian bertindak mengekori individu tersebut.

Bagaimanapun, individu dipercayai menyamar mengalami kecacatan penglihatan itu melarikan diri sebaik sahaja menyedari dirinya diekori.

Operasi sama turut berjaya menyelamatkan seorang wanita warga asing yang membawa anaknya dipercayai mengemis sekitar Masjid Jamek Kampung Baru di sini.

Wanita tersebut dipercayai baru 17 hari melahirkan anak itu menjadikan lokasi di hadapan masjid tersebut untuk meraih simpati orang ramai.

Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, Norazman Othman berkata, seramai 16 individu diselamatkan menerusi operasi ini.

"Antara yang diselamatkan terdiri 10 warga asing dan enam warga tempatan terdiri daripada umur 17 hari sehingga 55 tahun.

SENATOR: MACAM 'TAK PERCAYA' TENGOK ANGKA 70,000 PENAGIH DADAH OKU

<https://www.malaysiakini.com/news/659523>

Sumber : Malaysia Kini

Kenyataan bahawa orang kurang upaya (OKU) yang menjalani rawatan serta pemulihan ketagihan dadah di rumah dan di "dalam komuniti" oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) adalah mengelirukan dan cukup mengejutkan, kata Senator Isaiah Jacob.

Ketika ditemui di parlimen, Isaiah, yang baru dilantik semalam sebagai ahli Dewan Negara PKR untuk Kuala Lumpur, berkata selalunya ada kisah berbeza dalam hal berkaitan masyarakat OKU.

“Angka yang mereka berikan semalam mengelirukan semua orang.

“Malah saya tidak percaya terdapat begitu ramai sekali orang.



"Itu sebab saya akan bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mengatur segalanya dan mungkin itu akan membantu semua orang," katanya kepada *Malaysiakini*.

Isaiah berkata demikian ketika diminta mengulas jawapan Timbalan Menteri Dalam Negeri Shamsul Anuar Nasarah di Dewan Rakyat semalam.

Shamsul berkata AADK telah menjalankan pemulihan "dalam komuniti" untuk sebahagian besar daripada 70,000 OKU yang pulih daripada penagihan dadah.

"Anda lihat Jabatan Kebajikan, saya tidak fikir mereka mempunyai rekod yang betul mengenai perkara ini," kata Isaiah, yang juga seorang OKU.



“Jadi apa yang saya rancang untuk lakukan ialah menambah baik sistem, data mesti betul.

"Jika data tidak betul, maka di sinilah kita mempunyai masalah," katanya yang dilantik bagi menggantikan senator Ras Adiba Radzi (*gambar, atas*) bagi menyuarakan isu-isu berkaitan OKU di Dewan Negara.

Sebagai permulaan, Isaiah berkata jabatan itu boleh berusaha untuk menambah baik pendaftaran OKU dan mengemas kini keadaan individu mereka.

Katanya, ini supaya golongan OKU boleh mendapat akses kepada rawatan seperti dialisis atau pemulihan.



Semalam, Shamsul (*gambar, atas*) berkata 85 OKU yang menjalani pemulihan di pusat AADK adalah antara mereka yang mempunyai "keupayaan fizikal" untuk penjagaan sendiri.

Sebaliknya, dia berkata sebahagian besar yang menjalani pemulihan dalam komuniti di rumah adalah OKU yang memerlukan bantuan untuk aktiviti harian seperti makan dan membersihkan diri.

11 MEI KEPUTUSAN PERMOHONAN IBU TUNGGAL BATAL TUKAR AGAMA 3 ANAK

<https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/434130>

Sumber : The Malaysia Insight



MAHKAMAH Tinggi di Kuala Lumpur menetapkan 11 Mei untuk keputusan permohonan semakan kehakiman oleh ibu tunggal, Loh Siew Hong bagi mencabar penukaran agama Islam secara unilateral (sepihak) tiga anaknya oleh bekas suami wanita itu, tanpa persetujuan Loh.

Hakim Wan Ahmad Farid Wan Salleh menetapkan tarikh itu selepas mendengar penghujahan melalui Zoom daripada pihak-pihak terlibat.

Peguam A. Srimurugan yang mewakili Loh, berhujah tiada pertikaian oleh responden kanak-kanak itu - yang kesemuanya di bawah umur - didaftarkan sebagai Muslim tanpa kebenaran wanita tersebut.

Beliau berkata memandangkan fakta ini dibangkitkan, satu-satunya isu di hadapan mahkamah itu adalah mengenai status sah penukaran agama tersebut.

Peguam itu memetik kes Indira Gandhi lwn pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Perak apabila Mahkamah Persekutuan membuat keputusan penukaran agama kanak-kanak bawah umur secara unilateral adalah tidak sah.

Sementara itu, Penasihat Undang-Undang negeri Perlis Mohd Radhi Abas berhujah tafsiran yang betul mengenai perkataan “ibu bapa” dalam Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan bermaksud sama ada ibu atau bapa.

Perkara 12(4) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan agama seseorang di bawah umur 18 tahun hendaklah ditetapkan oleh ibu atau bapa atau penjaganya.

Beliau berkata terdapat 13 peruntukan dalam Perlembagaan iaitu perkataan “parent” atau “parents” telah digunakan dan perkataan itu mesti dibezakan.

“Parlimen berhati-berhati menggunakan perkataan ‘parent’ dalam bentuk ‘singular’ atau ‘parents’ dalam bentuk jamak dalam Perlembagaan. Perlembagaan itu diluluskan oleh Parlimen

dan mengulangi kata-kata (bekas Ketua Hakim Negara) Allahyarham Abdul Hamid Omar, mahkamah bukanlah Parlimen,” katanya.

Beliau seterusnya menegaskan perbezaan antara perkataan “parent’ dan “parents” tidak dibincangkan dalam kes Indira Gandhi pada 2018.

“Di bawah pengasingan kuasa, hak untuk menggubal undang-undang terletak pada Parlimen. Dengan penghormatan tertinggi, mahkamah perlu mengambilnya seperti sedia ada,” katanya.

Pada 1 Ogos tahun lepas, Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur membenarkan permohonan semakan kehakiman oleh Loh bagi mencabar tindakan bekas suaminya, M. Nagahswaran yang mendaftarkan tiga anak mereka sebagai Muslim tanpa kebenarannya.

Ketiga-tiga anaknya, yang ketika itu berada di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, diserahkan kepada Loh pada 21 Feb tahun lalu selepas Mahkamah Tinggi membenarkan permohonan habeas corpusnya. – Bernama, 21 Mac 2023.

BOMBA SELAMATKAN KANAK-KANAK DUA TAHUN TERPERANGKAP DALAM KERETA DI SANDAKAN

<https://wartaoriental.com/2023/03/21/bomba-selamatkan-kanak-kanak-dua-tahun-terperangkap-dalam-kereta-di-sandakan/>

Sumber : Warta Oriental

SANDAKAN: Seorang kanak-kanak perempuan berumur dua tahun terkurung dalam sebuah kereta di sini hari ini.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sandakan, PPgB Hairi Otuh berkata, kejadian berlaku di Jalan Sepiluk, Batu 14, pada kira-kira jam 11.40 pagi.

“Panggilan diterima menerusi talian MERS999 tentang kejadian ini dan sepasukan enam anggota dikejarkan ke lokasi diketuai Komander Operasi, PBKII Syamzari Ghani.

“Setiba di tempat kejadian yang terletak 21 kilometer dari BBP, kita dapati terdapat sebuah kereta jenis Perodua Bezza yang terkunci

“Pasukan bomba berjaya membuka pintu kenderaan menggunakan peralatan khas dan mengeluarkan seorang mangsa kanak-kanak perempuan berusia dua tahun yang terperangkap dalam kenderaan tersebut,” katanya.

Mangsa kemudiannya diserahkan kepada pihak keluarga, kata Hairi, sambil menambah operasi ditamatkan pada jam 12.37 tengah hari.

WANITA TERPERANGKAP, RUMAH DIHEMPAP POKOK TUMBANG

<https://www.sinarharian.com.my/article/250814/edisi/selangor-kl/wanita-terperangkap-rumah-dihempap-pokok-tumbang>

Sumber : Sinar Harian



PETALING JAYA - Seorang wanita berdepan detik cemas selepas terperangkap dalam rumahnya yang dihempap empat batang pokok tumbang dalam kejadian hujan lebat dan ribut petir di Taman Desa Riang, Damansara Damai di sini pada malam Isnin.

Suami mangsa, Rezal Ibrahim, 49, berkata, isterinya tidak dapat keluar selepas bahagian depan dan belakang rumah rosak dan terhalang oleh pokok berkenaan.

Rezal yang ketika itu berada di luar memberitahu terpaksa berjalan kaki sejauh 700 meter untuk pulang ke rumah selepas jalan utama turut terhalang susulan kejadian sama.

"Saya selaku pengerusi surau ketika itu sedang bermesyuarat bagi persiapan Ramadan.

"Sebaik dihubungi isteri, saya terus pulang ke rumah, namun lebih kurang lima batang pokok tumbang di jalan utama Jalan Sutera ke Desariang 10/5 menyebabkan kenderaan tidak boleh dilalui.

"Saya ambil keputusan untuk jalan kaki pulang ke rumah bagi melihat keadaan isteri," katanya ketika dihubungi Sinar Harian.

Mengulas lanjut, Rezal memberitahu mengalami kerugian lebih RM5,000 susulan kejadian tersebut, namun bersyukur isterinya terselamat.

Ujarnya, kejadian berlaku sekitar jam 9.45 malam, namun agensi penyelamat lewat tiba disebabkan banyak lokasi terjejas susulan kejadian tersebut.



Kejadian pokok tumbang di Taman Desa Riang pada Isnin.

"Sementara menunggu pasukan penyelamat tiba, kami penduduk melakukan kerja pembersihan bermula jam 10.30 malam hingga lewat pagi.

"Kerja pembersihan masih lagi dijalankan ketika ini," katanya.

Seorang lagi penduduk, Norzela Yaakub, 60, berkata, walaupun ribut petir dan hujan lebat berlaku kurang 30 minit, namun situasi tersebut sudah cukup mencemaskannya yang ketika kejadian berada di rumah bersama suami.

"Bunyi bising dan berlaku litar pintas sampai saya tidak sedar bahagian tempat letak kereta rumah telah dihempap pokok.

"Ada penduduk beritahu ternampak puting beliung yang menyebabkan banyak pokok tumbang, namun saya tidak pasti kerana berada dalam rumah," katanya.

Norzela mengakui trauma dengan kejadian pertama kali berlaku di kawasan perumahan itu, namun bersyukur tiada penduduk terlibat dalam kejadian tersebut.

Dalam masa sama, Norzela turut berharap pihak berkuasa tempatan (PBT) dapat membuat pemantauan dan melakukan penebangan pokok berisiko dalam keadaan cuaca tidak menentu ketika ini.

Pada Isnin, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Selangor, Morni Mamat memberitahu, tujuh rumah dan enam kenderaan rosak akibat dihempap 15 pokok tumbang di Taman Desa Riang, Damansara Damai.

Seramai 29 anggota bersama lima jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Damansara, BBP Sungai Buloh, BBP Kota Anggerik dan BBP Rawang dikejarkan ke lokasi kejadian.

WANITA CHINA DISELAMATKAN DARI TERJATUH

<https://malysiagazette.com/2023/03/21/wanita-china-diselamatkan-dari-terjatuh/>

Sumber : Malaysia Gazette



SERI KEMBANGAN – Tindakan nekad seorang wanita warga asing yang cuba menjatuhkan dirinya dari tingkat tiga kediamannya di sebuah kondominium mewah di Puchong, berjaya diselamatkan.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia negeri Selangor, Morni Mamat berkata, bilik gerakan operasi negeri menerima panggilan mengenai kejadian tersebut pada jam 4.27 petang tadi.

“Bertindak atas maklumat kecemasan itu, sepasukan bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Puchong bergegas ke lokasi.

“Anggota bomba telah berjaya memujuk wanita tersebut dan menyerahkan kes itu kepada polis,” katanya.

Morni berkata, siasatan awal mengesyaki wanita itu mempunyai masalah kesihatan mental. – MalaysiaGazette

Lelaki Pukul Warga Emas Selepas Kemalangan Ditahan

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-pukul-warga-emas-selepas-kemalangan-ditahan-411751>

Sumber : Astro Awani



KUALA LUMPUR: Polis menahan seorang lelaki tempatan yang dipercayai terlibat dalam kes mendatangkan kecederaan dan ugutan terhadap seorang lelaki warga emas dalam satu kejadian di sekitar Ampang, semalam.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya ACP Mohamad Farouk Eshak berkata dalam kejadian kira-kira 10.30 pagi itu, suspek yang menaiki kereta jenis Mercedes berwarna putih melanggar bahagian belakang kereta dipandu seorang doktor berusia 67 tahun di lampu isyarat Jalan Kolam Air Lama.

"Apabila tiba di hadapan sebuah stesen minyak berhampiran, kereta mangsa dihalang dari arah hadapan oleh kereta suspek yang kemudian turun dan membuka pintu kereta doktor berkenaan. "Suspek kemudian menumbuk pipi kanan selain menarik rambut dan menyepak mangsa di bahagian pinggang menyebabkan dia berasa sakit. Kejadian itu dirakam pengguna jalan raya sehingga tular dalam media sosial, semalam," katanya dalam kenyataan hari ini.

Mohamad Farouk berkata suspek berumur 27 tahun ditahan pada 9.45 malam tadi di Ibu Pejabat Polis Daerah Ampang Jaya setelah hadir memberi keterangan.

"Suspek memukul mangsa kerana tidak berpuas hati selepas arahnya supaya memberhentikan kenderaan tidak diendahkan mangsa setelah kenderaan mereka berlanggar," katanya dan menambah permohonan reman akan dibuat hari ini bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 323/506 Kanun Keseksaan.

Beliau berkata suspek tidak mempunyai rekod jenayah dan hasil ujian saringan air kencing ke atasnya negatif.

Suami Isteri Dituduh Perdagang Anak OKU Untuk Eksploitasi Seks

<https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/03/1079886/suami-isteri-didakwa-perdagang-anak-oku-untuk-eksploitasi-seks>

Sumber : Berita Harian



BUTTERWORTH: Sepasang suami isteri didakwa di Mahkamah Sesyen hari ini atas pertuduhan memperdagangkan anak perempuan mereka yang juga Orang Kurang Upaya (OKU) pembelajaran untuk tujuan eksploitasi seks.

Kedua-dua tertuduh mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan ketika pertuduhan dibacakan serentak terhadap mereka di hadapan Hakim Noor Aini Yusof.

Mengikut pertuduhan, pasangan suami isteri itu didakwa memperdagangkan anak perempuan berusia 20 tahun lapan bulan bagi tujuan eksploitasi seks yang mana mangsa adalah seorang yang tidak dapat menjaga atau melindungi dirinya.

Kejadian itu didakwa dilakukan di sebuah rumah di Bukit Mertajam dalam daerah Seberang Perai Tengah, dekat sini, antara Januari hingga 14 Februari lalu.

Tertuduh yang tidak bekerja dan isterinya yang bekerja sebagai tukang urut didakwa mengikut Seksyen 14 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670) dan dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Jika sabit kesalahan, kedua-dua tertuduh boleh dihukum penjara seumur hidup atau tidak kurang daripada lima tahun dan juga boleh disebat.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Qatrin Nada Harun, manakala kedua-dua tertuduh tidak diwakili peguam.

Ketika prosiding, Qatrin Nada memaklumkan tiada sebarang jaminan ditawarkan kepada kedua-dua tertuduh dan sekiranya ia diberikan mestilah pada kadar amaun yang tinggi.

Tiada rayuan dibuat oleh kedua-dua tertuduh yang dilihat dalam keadaan terpinga-pinga, sebelum mahkamah melepaskan mereka berdua dengan jaminan RM15,000 setiap seorang dengan seorang penjamin.

Dalam pada itu, mahkamah turut memerintahkan kedua-dua tertuduh menyerahkan pasport kepada mahkamah dan melapor diri di balai polis berhampiran setiap bulan iaitu pada awal bulan sehingga kes selesai.

Kes akan disebut semula pada 20 April depan bagi serahan dokumen dan lantikan peguam.

OKU DIPENJARA 30 HARI DENDA RM24,000 TIPU

<https://www.sinarharian.com.my/article/250739/berita/semasa/oku-dipenjara-30-hari-denda-rm24000-tipu-permohonan-epc>

Sumber : Sinar Harian



SEREMBAN - Bekas penyelia keselamatan tapak yang merupakan orang kurang upaya (OKU) dihukum penjara 30 hari dan denda RM24,000 oleh Mahkamah Sesyen Seremban pada Selasa atas pertuduhan mengemukakan penyata pendapatan palsu untuk permohonan Elaun Pekerja Cacat (EPC) pada 2019.

Hakim Rushan Lutfi Mohamed menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh, J Vasantha Kumaran, 39, selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan jurubahasa dalam bahasa Tamil.

Mahkamah turut memerintahkan tambahan hukuman lima bulan penjara jika tertuduh gagal menjelaskan denda berkenaan.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh telah mengemukakan penyata pendapatan bulanan palsu kepada kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk permohonan bagi mendapatkan

bantuan kewangan EPC sebanyak RM4,800 untuk tempoh Disember 2019 hingga November 2020.

Kesalahan itu dilakukan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Seremban pada 7 Oktober 2019.

Berikutan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang boleh dihukum di bawah seksyen 24 (2) akta yang sama.

Sabit kesalahan boleh dihukum penjara maksimum tidak melebihi 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai butir matan palsu atau silap itu jika butir matan palsu atau silap itu dapat dinilai atau berbentuk wang atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Pendakwaan kes dikendalikan Pegawai Pendakwa SPRM, Mohamad Azriff Firdaus Mohamad Ali manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Dalam rayuannya, tertuduh memohon hukuman denda paling minimum kerana dia satu-satunya pencari nafkah dalam keluarga dan perlu menanggung seorang anak, ibu serta adik.

Selain itu tertuduh turut mengaku bersalah atas pertuduhan menggunakan lima dokumen palsu untuk memohon pekerjaan sebagai penyelia keselamatan tapak binaan di sebuah syarikat pada 2018.

Mengikut pertuduhan, tertuduh telah menggunakan lima dokumen sebagai tulen atas namanya bagi sokongan kepada suatu permohonan pendaftaran Orang Yang Kompeten (OYK) Penyelia Keselamatan Tapak Bina bertarikh 28 Ogos 2018..

Kesalahan itu dilakukan di bawah Seksyen 471 Kanun Keseksan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 465 Kanun.

Tertuduh kemudian didenda RM10,000 dan jika gagal bayar boleh dipenjara lima bulan.